

Deutscher Brand Summit Conference and Exhibition 2024

# Kukuhkan jalinan ekonomi Melaka-Jerman

Mohd Hamzatul Akmar Md Zakaria

**AYER KEROH** - Penganjuran Deutscher Brand Summit Conference and Exhibition 2024 pada 14 hingga 17 Oktober nanti dilihat sebagai kesinambungan hubungan ekonomi antara Melaka-Jerman terutamanya melibatkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan TVET Negeri Melaka, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, jalinan ekonomi tersebut adalah hasil kerja keras Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh merealisasikan hasrat tersebut susulan lawatan kerja ke Jerman sebelum ini.

"Umum ketahui, teknologi industri Jerman adalah lebih terkehadapan dan disebabkan itu, Ketua Menteri begitu teruja untuk merealisasikan jalinan ekonomi industri dengan negara Jerman.

"Oleh sebab itu, German Technology Park (GTP) yang dilancarkan pada Mac lepas menjadi penanda aras buat penganjuran Deutscher Brand Summit Conference and Exhibition 2024.

"Jika ada yang bertanya men-

gapa Melaka pilih Jerman, ini kerana Jerman mempunyai sistem industri yang sangat maju terutamanya melibatkan TVET dan Melaka amat menitikberatkan pembangunan TVET yang menjadi sasaran utama Kerajaan Negeri dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan yang mahir industri pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bersiaran pada Podcast Mana Lagi? Melaka Ler! di Studio Melaka TV.

Mengulas lanjut, Khaidhirah memaklumkan, Deutscher Brand Summit Conference and Exhibition 2024 bakal melibatkan 40 pameran dari dalam serta luar negara dan turut menyediakan beberapa program seperti business matching (padanan perniagaan), networking session (sesi rangkaian), pameran, sesi ceramah berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 dan pelbagai lagi.

Katanya, dianggarkan kira-kira 10,000 pengunjung akan hadir memeriahkan program julung kali yang diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh itu.

"Sepanjang empat hari persi-



**KHAIDHIRAH** ketika bersiaran di Podcast Mana Lagi, Melaka Ler di Studio Melaka TV. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

dangan ini berlangsung, turut akan dimuatkan dengan beberapa aktiviti seperti ruang pameran, Business Matching, sesi ceramah berkaitan ESG, IR4.0 dan pembangunan TVET.

"Untuk panel sesi ceramah, ia melibatkan speaker dari dalam serta luar negara, semestinya pengisian dari setiap mereka bakal beri

manfaat kepada pemain industri tempatan serta orang awam amnya," katanya.

Deutscher Brand Summit Conference and Exhibition 2024 akan dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh pada 15 Oktober nanti dan turut dijangka akan dihadiri Ment-

eri Hal Ehwal Ekonomi, Buruh dan Pelancongan Baden-Wurtemberg, Jerman, Dr. Nicole Hoffmeister-Kraut.

Seramai 30 delegasi dari Jerman akan hadir, manakala sebanyak 20 syarikat Industri Jerman akan sertai persidangan yang pertama kali diadakan di Melaka.